

# Masalah sekolah banjir selesai

SJKT Jugra bakal terima bangunan baru selepas kerajaan luluskan peruntukan

**JUGRA**- Bangunan baru tiga tingkat dengan kos mencecah hampir RM2.2 juta bakal didirikan di Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil Jugra dalam tempoh 18 bulan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk S K Devamany berkata, peruntukan berkenaan bagi menangani masalah banjir yang sering berlaku di sekolah berkenaan sehingga memberi kesan kepada warga sekolah apabila terpaksa berhadapan dengan banjir ketika sesi pembelajaran.

Menurutnya, sekolah berkenaan termasuk di dalam 21 sekolah yang menerima peruntukan dari Kementerian Pelajaran Malaysia bagi membina bangunan baru bagi memberi keselesaan kepada warga sekolah yang menghadapi masalah.



■ S K DEVAMANY

"Selain itu, masalah banjir yang berlaku di SKJT Jugra ini diharapkan dapat diselesaikan secepat mungkin dengan dibantu pihak bertanggungjawab seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam mengenal pasti punca serta masalah yang menyebabkan banjir berlaku.

"Difahamkan walaupun

sekolah berkenaan bakal menerima bangunan baru, sebahagian kawasan sekolah mungkin terjejas sekiranya hujan lebat akibat sistem perparitan yang ada masih tidak diselenggarakan dengan sempurna," katanya ketika mengadakan Lawatan Kerja ke SKJT Jugra, semalam.

Devamany berkata, pihak bertanggungjawab perlu memberi jaminan untuk menyelesaikannya supaya masalah lain tidak timbul apabila bangunan baru tersebut siap sepenuhnya kelak.

Menurutnya, usaha meningkatkan kemudahan sekolah berkenaan perlu dilakukan bagi menangani masalah banjir yang sering menjadi kerisauan warga sekolah dan ibu bapa yang menghantar anak mereka untuk belajar di sekolah itu.



■ Hasiman ketika berbincang mengenai saliran perparitan di sekeliling sekolah berkenaan.



■ Devamany menunjukkan paras air yang sering menenggelami sekolah berkenaan setiap kali hujan lebat.

## Naik taraf sistem perparitan

**SEMENTARA** itu, Hasiman Sidom berkata, beliau sering mengadakan lawatan kerja ke sekolah berkenaan setiap kali berlakunya banjir.

Menurutnya, beliau menyarankan supaya sebelum bangunan sekolah berkenaan didirikan, pihak bertanggungjawab perlu menyelesaikan masalah sistem saliran dan melebarkan perparitan di sepanjang jalan sekolah berkenaan sehingga Kampung Cantik, Jugra bagi mengelak masalah sama berulang.

"Sebagai wakil rakyat saya gembira apabila sekolah berkenaan dipilih kerajaan untuk diberi kemudahan bangunan sekali gus diharapkan prestasi pendidikan di sekolah ber-

kenaan turut meningkat.

"Selain itu, saya akan terus memberi sokongan terhadap usaha yang dibuat sekolah berkenaan lebih-lebih lagi apabila kerajaan meluluskan peruntukkan membina bangunan baru di sekolah tersebut," katanya kepada Sinar Harian.

Juruterua Daerah JKR Kuala Langat, Hashim Said berkata, dia akan berusaha menangani masalah banjir bagi mengelakkan masalah lain timbul ketika mendirikan bangunan baru dalam tempoh 18 bulan.

Hadir sama, Pegawai Pelajaran daerah Kuala Langat, Abdul Talib Hamid.

## ADUN sentiasa turun padang

**SELAIN** itu, keprihatinan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Morib, Hasiman Sidom turun padang setiap kali berlakunya banjir perlu dipuji apabila masalah berkenaan mendapat maklum balas dari pihak bertanggungjawab.

Pengerusi PIBG, V Sundaraju berkata, pada tahun ini sahaja sekolah berkenaan sudah ditenggelami air sebanyak empat kali dan pihak sekolah sering memaklumkan perkara berkenaan kepada wakil rakyat untuk membantu.

Menurutnya, usaha tersebut bukan sahaja memberi peluang kepada pihak sekolah berkenaan mendapat maklumat dan kemudahan malah membuktikan kesungguhan



■ V PAVAYEE

wakil rakyat berkenaan untuk membantu warga sekolah terutamanya pelajar mendapat kemudahan yang selesa.

Guru Besar SJKT Jugra, V Pavayee berkata, beliau sering mendapat maklumat daripada ibu bapa pelajar apabila berlakunya banjir sehingga menyebabkan laluan di kawa-



■ V SUNDARAJU

san sekolah berkenaan tenggelam.

"Dalam pada itu, sekiranya saliran air dinaiktarafkan, ia perlu dilakukan segera bagi mengelakkan kawasan tanah rendah di sekolah berkenaan pula menghadapi masalah air melimpah ketika hujan lebat," katanya.



■ Devamany (tengah) ketika ditemui pada sidang media.